

SIKAP SISWA GURU SEMASA BELAJAR DI INSTITUT PENDIDIKAN GURU BERASASKAN PEMIKIRAN AL-ZARNUJI

Pre Service Teacher's Attitude During Study at Institute of Teacher Education Based on Al-Zarnuji Thought

Wan Hasmah Laili Wan Hamat¹
Mohd Isa Hamzah²
Maimun Aqsha Lubis Abdin Lubis³

Abstrak

Siswa guru bakal penentu masa depan pendidikan negara dan amat mustahak siswa guru yang sedang menjalani program latihan perguruan diserapkan dengan sikap yang positif semasa belajar. Perubahan sikap amat signifikan dan perlu ditransformasikan ke arah yang lebih baik dari masa ke semasa. Oleh itu, kajian ini bertujuan menghuraikan sikap semasa belajar yang sewajarnya menjadi amalan berasaskan pemikiran Al-Zarnuji dan juga mengenal pasti tahap sikap semasa belajar dalam kalangan siswa guru. Kajian ini menggunakan kaedah ulasan literatur dan kajian tinjauan dengan menggunakan soal selidik untuk mendapatkan data. Data yang diperolehi dianalisis secara deskriptif. Seramai 30 orang siswa guru dari Institut Pendidikan Guru zon tengah dipilih secara rawak sebagai responden kajian. Dapatkan kajian menunjukkan item sentiasa datang awal ke kelas dan sentiasa fokus semasa pengajaran dalam kuliah adalah tahap sikap yang paling tinggi manakala sikap semasa belajar yang paling rendah dicatatkan adalah amalan mengulang kaji pelajaran sebaik sahaja kelas tamat. Tahap sikap siswa guru semasa belajar secara keseluruhannya berada pada tahap sederhana tinggi dan menunjukkan amalan sikap yang positif serta bertingkah laku sebagaimana saranan Al-Zarnuji dalam memperoleh ilmu pengetahuan. Penerimaan metode pembelajaran Al-Zarnuji sebagai amalan dalam kalangan siswa guru wajar disebar luaskan dan diaplikasikan secara optimum agar siswa guru yang lahir adalah siswa guru yang bukan sahaja berpengetahuan dan berkemahiran, malah bersikap positif dan bijak mengadaptasi dalam apa jua perubahan.

Kata kunci: siswa guru, sikap semasa belajar, Al-Zarnuji

Abstract

Pre service teachers will be the determinants of future education of the country and it is important for teachers who are undergoing training programs to be absorbed in a positive attitude while learning. Attitudes change are very significant and need to be transformed to a better direction from time to time. Therefore, this study aims to elaborate on the right course of study into practice based on Al-Zarnuji's thinking and also identify the current level of attitude among pre service teachers. This study uses literature review method and survey study using questionnaire to get data. The data obtained were analyzed descriptively. A total of 30 pre service teacher from the Institute of Teacher Education were randomly selected as respondents for the study. The findings show that the items always come early to class and always focus on lectures are the highest level of attitudes while the lowest attainments are recorded is the practice of

¹ Calon Doktor Falsafah, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor. Emel: P92436@siswa.ukm.edu.my.

² Pensyarah Kanan, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor. Emel: isa_hamzah@ukm.edu.my.

³ Profesor Madya, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor. Emel: mal@ukm.edu.my.

reviewing the lesson as soon as the class ends). The level of attitude of the students when studying as a whole was at moderate level and showed positive attitude and behaviors as suggested by Al-Zarnuji in acquiring knowledge. The acceptance of Al-Zarnuji's learning method as a practice among the students of the teacher should be widely disseminated and applied optimally so that the students of the born teacher are teachers who are not only knowledgeable and skilled, but are positive and wisely adapted in any change.

Keywords: pre service teacher, attitude during study, Al-Zarnuji

Pendahuluan

Sikap adalah tingkah laku yang menjadi amalan dalam rutin sehari-hari. Sikap menjadi gambaran peribadi seseorang sama ada baik atau sebaliknya. Penilaian terhadap sikap hanya dapat diukur melalui tindakan yang diambil kerana sikap bersifat abstrak. Sikap berperanan dalam menentukan kejayaan dan mendorong individu sentiasa maju ke hadapan dan mempunyai perkaitan rapat antara keduanya.⁴ Sikap yang positif melahirkan kesan yang positif⁵ dan konsisten dalam melaksanakan sesuatu perkara⁶ dan begitu juga sebaliknya. Umumnya, sikap yang positif terbentuk dari keinginan dan motivasi yang tinggi⁷ serta terbina berdasarkan pengetahuan yang menjana kognitif⁸ dan seterusnya melahirkan amalan dan tingkah laku yang lebih efektif dalam sesuatu situasi.⁹

Pengetahuan yang menjana kognitif dan sikap pula dipengaruhi oleh nilai agama yang menjadi elemen penting dalam mempengaruhi pembentukan sikap.¹⁰ Oleh yang demikian, dapat dilihat bahawa sikap amat signifikan dalam amalan dan tingkah laku manusia kerana sikap adalah manifestasi daripada pengetahuan yang membentuk pemikiran seseorang dan seterusnya menjana kekuatan dorongan dalam seseorang agar melaksanakan sesuatu yang memberikan impak yang positif. Perkaitan antara pengetahuan yang mencorak sikap seseorang pula didasari elemen nilai agama yang menjadi fitrah manusia sejagat.

Individu yang mematuhi dan mengamalkan nilai agama dalam kehidupan jelas akan melahirkan sikap yang positif. Ini menjadikan individu dalam sesebuah organisasi sebagai contoh teladan. Justeru itu, transformasi sikap amat penting dalam mengekalkan amalan secara konsisten dan sentiasa melakukan perubahan sikap ke arah yang lebih baik. Individu yang sentiasa melakukan perubahan ke arah yang lebih baik adalah individu yang cemerlang sebagaimana yang ditegaskan oleh

⁴ Fazlina Abd Rahiman & Aniza Suriati Abdul Shukor (2017), “Hubungan Minat dan Sikap Terhadap Pencapaian Pelajar dalam Kursus DPA3043 – Auditing,” *National Innovation and Invention Competition Through Exhibition (ICompEx'17)*, (iCompEx 17), 1–16.

⁵ Ajzen, I. (1985), “From Intentions to Actions”: A Theory of Planned Behavior In Action Control. https://doi.org/10.1007/978-3-642-69746-3_2.

⁶ Juliana Rosmidah Jaafar & Sheau Tsuey Chong (2018), “Sikap Terhadap Niat Menderma Darah dalam Kalangan Penderma Darah.” *Akademika*, 88(2), 135–146.

⁷ Azjen, I.(1991), “The Theory of Planned Behavior,” *Organizational Behavior and Human Decision Processes*, 179-211; Sufean Hussin (1995), “Pengajaran Nilai dalam Kurikulum.” Edisi kedua. Shah Alam: Fajar Bakti Sdn Bhd.

⁸ Alam, S.S, Janor, H, Zanariah, C.A.C, Ahsan, M.N (2012), “Is Religiosity an Important Factor in Influencing the Intention to Undertake Islamic Home Financing in Klang Valley?”. *World Applied Sciences Journal*, 19(7), 1030-1041

⁹ Nor Kalsum Mohd Isa, (1985), “Pengetahuan, Sikap dan Tingkah Laku Pelajar UPSI Terhadap Prinsip-Prinsip Kampus Lestari,” *Jurnal Perspektif*, 1(May), 29–41.

¹⁰ Alam, S.S, Janor, H, Zanariah, C.A.C, Ahsan, M.N, (2012), “Is Religiosity an Important Factor in Influencing the Intention to Undertake Islamic Home Financing in Klang Valley?”. *World Applied Sciences Journal*, 19(7), 1030-1041; Foxall, G.R., & Goldsmith, R.E. (1994) “Consumer Psychology for Marketing” London: Routledge

Imam Al-Ghazali.¹¹ Sikap kesungguhan juga dikaitkan dengan nilai agama khususnya Islam kerana dalam melaksanakan ibadah, sikap yang konsisten dan bersungguh-sungguh adalah gambaran orang yang mentaati ajaran Islam.¹²

Pandangan ini menyokong pandangan pengkaji terdahulu yang berpendapat bahawa sikap yang profesional adalah gambaran keperibadian Islam yakni sentiasa bersedia menghadapi perubahan, bersemangat, bekerja keras, bersungguh-sungguh, bijak menguruskan masa dan komited.¹³ Elemen-elemen sikap profesional tersebut tidak terkecuali kepentingannya dalam dunia pendidikan. Kekuatan aspek pendidikan tidak dapat dinafikan oleh semua bangsa di dunia kerana amat mempengaruhi dalam menentukan kemajuan sesebuah bangsa.

Golongan guru merupakan golongan yang mendominasi dunia pendidikan berbanding golongan pentadbir atau pengurusan. Kecenderungan ini dilihat kerana guru adalah agen pelaksana yang sentiasa diperhatikan oleh masyarakat khususnya anak didik mereka sendiri. Tingkah laku guru menjadi tumpuan perhatian bukan sahaja semasa pengajaran dan pembelajaran malah melangkaui di luar kawasan sekolah.¹⁴ Pendek kata, mengekalkan tingkah laku yang positif terhadap tugas amat penting dalam menonjolkan konsistensi sikap.¹⁵ Sikap positif dalam melaksanakan tugas yang diamanahkan juga adalah salah satu etika dalam perkhidmatan awam yang seharusnya diamalkan oleh setiap penjawat awam.¹⁶ Berdasarkan kepada pentingnya tingkah laku seorang guru dalam mempengaruhi dan memberi contoh teladan kepada anak didik maka peranan institusi latihan perguruan amat signifikan dalam melaksanakan usaha-usaha untuk melahirkan bakal guru yang berkarakter sebagaimana yang diharapkan.

Demi memenuhi tujuan pendidikan tersebut, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) bertanggungjawab menyediakan sumber tenaga manusia untuk keperluan negara kemajuan negara. Bagi memastikan sumber tenaga yang diperlukan mampu memenuhi keperluan dan kemajuan negara, KPM telah menetapkan syarat untuk menyertai profesion keguruan. Sikap, aptitud dan personaliti menjadi indikator utama dalam pemilihan bakal guru memandangkan kualiti guru merupakan faktor penentu keberkesanannya di peringkat sekolah yang paling penting. Pernyataan ini telah pun diketengahkan oleh Muhammad Al-Aroosi (1990)¹⁷ yang menuntut pertimbangan awal pemilihan guru agar lebih teliti. Pemilihan guru sewajarnya mengutamakan orang yang menghayati nilai dan sikap Islam agar selari dengan tujuan Pendidikan Islam itu sendiri. Penyediaan guru juga perlu dilakukan dengan teratur dan sistematik kerana peranan guru untuk mencapai objektif pendidikan

¹¹ Hasan Al-Banna Mohamed, Ab Mumin Ab Ghani & Siti Arni Basir (2015), “Nilai-Nilai Sistem Pengurusan Kualiti Islam Berasaskan Al-Quran Dan Integrasi Ilmu Saintifik,” *Jurnal Syariah* 23(1): 25–52.

¹² Ahmad Amri Zainal Adnan, Khairul Anwar Mastor, Hasnan Kasan, & Firdaus Mohamad Hamzah (2017), “Religiositi Sebagai Faktor Mediasi Tingkah Laku Kerja Muslim,” *Jurnal Hadhari*, 9(1), 141–156.

¹³ Mohammad Ghazali & Nor Azzah Kamri (2015), “Keperibadian Islam dan Profesionalisme dalam Pekerjaan: Satu Analisis Teoritis,” *Jurnal Syariah* 23(2): 255–286.

¹⁴ Ab.Halim Tamuri, Muhamad Faiz Ismail, & Kamarul Azmi Jasmi (2012), “Komponen Asas untuk Latihan Guru Pendidikan Islam,” *Global Journal Al Thaqafah*, 2(2), 53–63.

¹⁵ Affizal Ahmad, & Rafidah Sahak (2009), “Teacher-Sudent Attachment and Teachers Attitudes Toward Work,” *Jurnal Pendidik Dan Pendidikan*, 24, 55–72.

¹⁶ Zainal Yang (2003), “Nilai, Etika dan Budaya Kerja dalam Pentadbiran Sektor Awam Di Malaysia dari Perspektif Islam,” (Satu Imbasan Kembali Tinjauan Karya), *Jurnal Pengurusan Awam* 2(1): 45–67.

¹⁷ Kurikulum Islam dan Guru. Dlm. Al-Afendi (pnyt.) & Baloch (pnyt.). *Kurikulum dan Pendidikan Guru*. Terj. Ahmad Jaffni Hassan, Mohamad Nordin Zainuddin & Asiah Idris. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

negara adalah penting dan seterusnya dapat mempertingkatkan usaha dalam memartabatkan profesi perguruan.¹⁸

Proses melahirkan bakal guru bermula seawal pemilihan calon sehingga berlangsungnya tempoh program latihan perguruan. Siswa guru yang mengikuti latihan perguruan juga menjalani proses pembelajaran yang menekankan komponen sikap selain melengkapkan siswa guru dengan pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan sebagaimana termaktub dalam Dasar Pendidikan Kebangsaan (2012). Latihan mengajar adalah amalan profesional yang bertujuan menjadikan sikap positif dalam kalangan siswa guru. Sikap positif ini dipupuk bermula dari dalaman diri agar siswa guru yang berhasil adalah siswa guru yang mempunyai daya tahan, daya saing dan daya cipta di samping mengamalkan nilai profesional keguruan.¹⁹ Proses melahirkan siswa guru yang bersikap positif dan mengamalkan nilai profesional keguruan ini adalah sejajar dengan matlamat Program Pembangunan Guru Baharu 2015 (PPGB). Siswa guru yang memenuhi objektif pendidikan di Malaysia akan terdidik akal dan hati iaitu spiritual dan integrasi antara kedua-dua elemen tersebut dinamakan pendidikan bersepada.

Hal ini juga adalah selari dengan matlamat utama pendidikan itu sendiri yang bertujuan untuk merubah sikap dan tingkah laku. Oleh itu, pembelajaran yang berkesan adalah pembelajaran yang mampu mewujudkan perubahan sikap dan tingkah laku.²⁰ Perubahan sikap menurut Al-Ghazali adalah wujud pembelajaran seumur hidup dalam diri, konsentrasi semasa belajar, menyucikan jiwa semasa belajar dan yang paling utama adalah untuk mendapatkan keredaan Allah SWT.²¹ Oleh itu siswa guru yang ideal adalah siswa guru yang bukan sahaja mempunyai ilmu pengetahuan tetapi siswa guru yang mempunyai sikap yang positif dan sentiasa melakukan penambahbaikan serta sentiasa bersedia untuk mempelajari perkara baharu dalam dunia pendidikan. Siswa guru juga adalah bakal guru yang seharusnya memiliki karakter sebagai guru yang berkualiti sebaik sahaja tamat latihan perguruan.

Kajian-kajian terdahulu jelas membuktikan bahawa sikap positif penuntut ilmu mempengaruhi minat dalam kerjaya guru, bermotivasi tinggi, menunjukkan prestasi yang baik semasa latihan mengajar, bersungguh-sungguh dalam usaha meningkatkan pencapaian akademik²² dan begitu juga sebaliknya. Sikap dan sahsiah yang tinggi didapati mempengaruhi tahap kualiti siswa guru²³ dan mewujudkan guru dalam perkhidmatan yang berprestij tinggi ke arah perkembangan profesionalisme

¹⁸ Abdul Rasid Jamian, Nurul Nadiah Razali & Shamsudin Othman (2015), “Keupayaan Guru Pelatih Terhadap Pelaksanaan Aktiviti Semasa Latihan Mengajar dalam Pembentukan Guru Novis,” *Jurnal Pendidikan Malaysia* 40(1): 75–81.

¹⁹ Ab. Hamid Ali, Abdullah Yusoff, Muhammad Ridzuan Idris, Abd. Aziz Zaki Razali, & Mohd Nazri Abdul Rahman (2015), “Kompetensi Guru Pelatih di Sebuah Institusi Pendidikan Guru dalam Melaksanakan Latihan Mengajar,” *Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, 4(1), 32–46.

²⁰ Shahabuddin Hashim, Rohizani Yaakub & Mohd Zohir Ahmad (2003), “Pedagogi Strategi dan Kaedah Mengajar dengan Berkesan,” Bentong, Malaysia: PTS.

²¹ Mohammad Muchlis Solichin (2006), “Belajar Dan Mengajar Dalam Pandangan Al-Ghazâlî.” *Tadris*, 1(2), 138–153.

²² Baskaran Kannan & A.Visuvarasam (2012), “Hubungan Komitmen Dan Emosi Dengan Pencapaian Akademik Pelajar Ambilan Khas Januari 2012 Di IPG Kampus Ipoh,” *Jurnal Penyelidikan Dedikasi* 10(January 2012): 79–97 10: 79–97.; Halimah Harun (2006), “Minat, Motivasi dan Kemahiran Mengajar Guru Pelatih. *Jurnal Pendidikan* 31: 83–96.

²³ Ab. Hamid Ali, Abdullah Yusoff, Muhammad Ridzuan Idris, Abd. Aziz Zaki Razali, & Mohd Nazri Abdul Rahman (2015), “Kompetensi Guru Pelatih Di Sebuah Institusi Pendidikan Guru Dalam Melaksanakan Latihan Mengajar,” *Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, 4(1), 32–46.

serta menjadikan sesebuah sekolah sebagai sekolah berkesan²⁴ dan seterusnya memberikan impak dalam organisasi.²⁵

Sikap juga menyumbang kepada pencapaian pelajar.²⁶ Selain itu, sikap mempunyai hubungan yang kuat dengan kemahiran abad ke-21,²⁷ menggambarkan konsep kendiri seseorang,²⁸ elemen pembangunan potensi diri²⁹ serta amat signifikan dalam mematuhi etika kejujuran akademik.³⁰ Sikap adalah penentu kecemerlangan masa depan pendidikan sekali pun berlaku pembaharuan dari masa ke semasa³¹ Guru yang mampu mengadaptasi pembaharuan dan perubahan dalam pendidikan adalah watak guru yang berkesan dan akan memberikan kesan kepada kualiti pendidikan.³² Hasil kajian terdahulu banyak memberikan gambaran bahawa matlamat, kualiti dan impak yang cemerlang dalam pendidikan adalah bermula dengan sikap yang positif. Sikap yang positif ini terbit dari ilmu pengetahuan manakala ilmu pengetahuan adalah berasaskan nilai agama.

Objektif kajian

Kajian ini bertujuan untuk;

1. Menghuraikan pemikiran Al-Zarnuji berkaitan sikap yang seharusnya menjadi tingkah laku dan amalan siswa guru semasa belajar.
2. Mengenal pasti tahap sikap siswa guru semasa belajar berdasarkan pemikiran Al-Zarnuji.

Limitasi Kajian

Kajian ini menggunakan kaedah ulasan literatur merangkumi artikel dan buku yang berkaitan dengan pandangan dan analisis pemikiran Al-Zarnuji yang merujuk kepada sikap dan karakter yang seharusnya diamalkan oleh penuntut ilmu. Kajian ini juga berbentuk kajian tinjauan untuk mendapatkan data responden serta menggunakan pendekatan kuantitatif memandangkan kaedah

²⁴ Muhammad Faizal A. Ghani, & Abd. Khalil Adnan, (2015), “Model Program Perkembangan Profesionalisme Guru Malaysia: Satu Kajian Analisis Keperluan Di Sekolah Berprestasi Tinggi dan Sekolah Berprestasi Rendah,” *Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, 2(1), 32–46.

²⁵ Shafazawana Mohamed Tharikh, Cheah Yeh Ying, Zuliawati Mohamed Saad & Kavitha Sukumaran (2016), “Managing Job Attitudes: The Roles of Job Satisfaction and Organizational Commitment on Organizational Citizenship Behaviors,” *Procedia Economics and Finance*, 35(October 2015), 604–611.

²⁶ Mohammad Abdillah Samsuiman, Miss Asma Benjaman, & Zamri Arifin (2014), “Hubungan Antara Kualiti Guru Bahasa Arab dan Kecenderungan Minat Pelajar dalam Bahasa Arab,” *Jurnal Kemanusiaan*, 22, 1–8.

²⁷ Mistirine Radin, & M. Al-Muz-zammil Yasin (2018), “The Implementation of the 21st Century Education in Malaysia : A Preliminary Review,” *Sains Humanika*, 10(3–2), 1–6.

²⁸ Nurul Asiah Fasehah Muhamad, Mohd Isa Hamzah, & Ab. Halim Tamuri (2014), “Kesan Kepercayaan Epistemologi Islam Terhadap Pembentukan Konsep Kendiri Guru Pendidikan Islam,” *Journal of Islamic and Arabic Education*, 5(2), 15–24

²⁹ Yasmin Yacob, & Mohd Ibrani Shahrimin Adam Assim (2017), “Corak Tingkah Laku Pembangunan Potensi Diri Belia dalam Program Anugerah Remaja Perdana Rakan Muda di Malaysia,” *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 2(2), 9–18.

³⁰ Shafeei, A., Nejati, M., Quazi, A., & Von Der Heidt, T (2016), “When In Rome, Do As The Romans Do’ Do International Students’ Acculturation Attitudes Impact Their Ethical Academic Conduct?,” *Higher Education*, 71(5), 651–666.

³¹ Pinar Karaman (2017), “Adapting of Formative Assessment Attitude and Intention Scale for Pre-service Teachers and A Structural Equation Modeling Pinar,” *Journal of the Faculty of Education* 18(3): 118–131.

³² Miftachul Huda, Jibrail Yusuf, Kamarul Azmi Jasmi & Gamal Nasir Zakaria (2016b), “Al-Zarnūjī’s Concept of Knowledge” (‘Ilm), *SAGE Open* 6(3): 1–13.

kuantitatif ini lebih berstruktur dan menumpukan kepada hasil sebagaimana pandangan Creswell (2018). Pendekatan ini juga bersesuaian dengan objektif kajian ini yang bertujuan untuk melihat tahap sikap semasa belajar. Oleh yang demikian, kajian ini hanya berfokus kepada aspek sikap semasa belajar dan tidak melibatkan sikap dalam fenomena yang lain.

Melalui kajian tinjauan ini, Cohen et.al (2007) menyatakan bahawa pengkaji dapat mengumpul data mengenai fenomena yang tidak dapat diperhatikan secara langsung khususnya berkaitan dengan sikap, kepercayaan, nilai, tingkah laku, tabiat, pendapat, keinginan dan idea. Kajian ini melibatkan 30 orang responden terdiri daripada siswa guru yang berada pada semester akhir pengajian. Responden dipilih secara rawak dari Institut Pendidikan Guru zon tengah. Oleh itu, kajian ini menggunakan soal selidik bagi mendapatkan maklumat dan jawapan kepada persoalan kajian. Data dianalisis secara deskriptif dengan menggunakan min dan sisihan piawai. Skor min diinterpretasikan berdasarkan skor min tingkah laku afektif yang diperkenalkan oleh Nunally (1978) untuk memberikan gambaran berkaitan tahap sikap siswa guru semasa belajar.

Perbincangan

Sikap semasa belajar berasaskan pemikiran Al-Zarnuji

Belajar merupakan proses pencarian ilmu pengetahuan. Ilmu pengetahuan yang dipelajari menjadi sia-sia tanpa dimanifestasikan dalam bentuk amalan. Al-Ghazali amat menekankan ilmu yang diperolehi diaplikasikan dan sentiasa menjadi amalan sehingga terbentuk insan kamil.³³ Semasa proses pencarian ilmu, Imam Al-Zarnuji sentiasa mementingkan sikap semasa belajar iaitu kesungguhan adalah paling utama dalam menguasai sesuatu ilmu. Kekuatan impak pendidikan hanya dapat dicapai melalui sikap yang mengamalkan metode belajar yang tepat.³⁴ Metode pembelajaran sebagaimana yang disarankan oleh Al-Zarnuji dikategorikan metode yang bersifat etika dan strategi.³⁵ Metode yang bersifat etika ini mencakupi unsur kerohanian dan pendekatan tauhid manakala metode yang sifat strategi pula melibatkan langkah-langkah dalam belajar selain diberi peluang untuk memilih pelajaran, guru dan teman.

Al-Zarnuji menegaskan bahawa penuntut ilmu perlu berusaha bersungguh-sungguh dan rajin sehingga pada tahap maksimum dengan menghayati ilmu. Kesungguhan dalam berusaha tersebut dilihat dalam aspek kesediaan penuntut ilmu yang konsisten, tiada perasaan bosan dan jemu, membuat catatan sendiri pelajaran memahami isi kandungan, saling mengingatkan, berbincang dan menyelesaikan masalah dalam pelajaran serta sentiasa bersedia untuk mencatat segala ilmu pengetahuan baharu.³⁶ Selain karakter sikap yang diutarakan tersebut, Al-Zarnuji menekankan niat semasa belajar. Niat menjadi mekanisme penting dalam mendorong motivasi pembelajaran penuntut ilmu³⁷ di samping menentukan kualiti kerja dan hasil.³⁸ Niat semasa belajar ini telah disenaraikan

³³ Marita Lailia Rahman (2016), “Konsep Belajar Menurut Islam,” *Al Murabbi* 2(2): 230–250.

³⁴ Arif Muzayin Shofwan. (2017), “Metode Belajar Menurut Imam Zarnuji: Telaah Kitab Ta’lim Al Muta’alim,” *Brilliant: Jurnal Riset Dan Konseptual*, 2(4), 408–423.

³⁵ Grunebaum & Abel (1948), “Az-Zarnūjī, Ta’līm al-Muta’allim-Ṭarīq at-Ta’-allum. Instruction of the Student: The Method of Learning by G. E. von Grunebaum; Theodora M. Abel,” *Journal of The American Oriental Society* 68(3): 155–157.

³⁶ Arif Muzayin Shofwan (2017).

³⁷ Wan Suhaimi Wan Abdullah (2002), “Falsafah Pengajaran dan Pembelajaran dalam Islam: Satu Analisis Karya Al-Zarnuji,” *Afkar* 3: 165–186.

³⁸ Wan Mohd Nor Wan Daud (2005), “*Falsafah dan Amalan Pendidikan Islam Syed M.Naquib Al-Attas Satu Huraian Konsep Asli Islamisasi*,” Kuala Lumpur: UM.

oleh Al-Zarnuji di dalam karyanya *Ta'lim Al-Muta'allim Tariq al-Ta'allum* di manifestasikan melalui tingkah laku, karakter dan amalan.

Kekuatan niat dalam tingkah laku menurut beliau dilihat melalui sikap yang sentiasa bersedia, menepati masa, sentiasa gigih berusaha dan melakukan perkara yang bermanfaat serta berdaya tahan dalam menghadapi masalah.³⁹ Di samping ciri-ciri tersebut, penuntut ilmu juga tidak terpengaruh dengan cabaran dan halangan semasa belajar⁴⁰ serta mempunyai kestabilan emosi.⁴¹ Faktor inilah yang menjadi kunci dalam mencapai kejayaan dan objektif yang ditetapkan.⁴² Beliau menyarankan penuntut ilmu sentiasa berbincang dan bertukar-tukar idea adalah lebih baik jika dibandingkan dengan hafalan semata-semata tanpa memahami ilmu yang dipelajari.⁴³ Saranan ini amat digalakkan kerana melalui perbincangan dan pertukaran idea terdapat elemen pengulangan dan pemahaman ilmu.

Sungguhpun begitu Al-Zarnuji sentiasa mengingatkan objektif utama dalam menuntut ilmu adalah bertujuan beribadah kepada Allah SWT.⁴⁴ Oleh sebab itulah nilai karakter spiritual Al-Zarnuji menjadi asas kerohanian dalam proses pembelajaran seseorang.⁴⁵ Al-Ghazali (1994) dan Al-Qardhawi (2005) mengingatkan bahawa segala tingkah laku dan amalan semasa belajar tersebut perlu disertai dengan kerelaan hati, tidak mengharapkan ganjaran, tenang dan melakukan sesuatu kerana keredaan Allah SWT. Penuntut ilmu yang ikhlas berusaha dalam pembelajaran akan sentiasa berusaha meningkatkan kesempurnaan diri merangkumi kecerdasan holistik, motivasi untuk belajar, komitmen semasa proses pembelajaran dan komitmen dalam pengurusan masa.⁴⁶ Karakter yang dianalisis berdasarkan karya Al-Zarnuji adalah terhasil dari satu pemikiran yang berdasarkan kepada karakter sebagaimana yang disarankan dalam Islam. Segala ciri-ciri yang dibincangkan juga adalah menepati dengan kehendak matlamat pendidikan yang menyasarkan perubahan tingkah laku dalam kalangan pelajar selepas proses pembelajaran berlaku.

Prinsip pendidikan berdasarkan pemikiran Al-Zarnuji masih relevan dalam arus kemodenan dunia pendidikan. Ketekalan idea pemikiran Al-Zarnuji sehingga mampu diterima sehingga kini telah menarik perhatian ahli akademik Hassan Langgulung (1991) yang mencadangkan kitab *Ta'lim Al-Muta'allim Tariq al-Ta'allum* karangan Al-Zarnuji dijadikan rujukan dan panduan oleh bakal guru dalam memahami dan mengamalkan karakter yang bernilai ibadah. Pemikiran Al-Zarnuji tentang pendidikan bukan sahaja tentang memindahkan ilmu pengetahuan tetapi juga berkaitan tentang mengembangkan karakter, nilai dan kemahiran. Justeru, pelaksanaan metode karakter pembelajaran Al-Zarnuji sesuai dilaksanakan dalam kurikulum dan berpaksikan nilai spiritual sebagaimana yang dicadangkan oleh M.Adib dan Jaffary (2017). Cadangan tersebut walau bagaimanapun telah menjadi

³⁹ Abu Muhammad Iqbal (2015), “Pemikiran Pendidikan Islam,” Yogyakarta: Pustaka Pelajar

⁴⁰ Wan Suhaimi Wan Abdullah (2002).

⁴¹ Miftachul Huda, Jibrail Yusuf, Kamarul Azmi Jasmi & Gamal Nasir Zakaria (2016a), “Understanding Comprehensive Learning Requirements in the Light of al-Zarnūjī's Ta'lim al-Muta'allim,” *SAGE Open* 6(4):1–14.

⁴² Yundri Akhyar (2008), “Metode Belajar Dalam Kitab Ta'lim Al- Muta`Allim Thariqat At-Ta`Allum (Telaah Pemikiran Tarbiyah Az-Zarnuji),” *Al-Fikra: Jurnal Ilmiah Keislaman* 7(2).

⁴³ Nursafra Mohd Zhaffar et al (2016), “Ke Arah Guru Pendidikan Islam sebagai Pemikir Kritis,” *Jurnal Sains Humanika* 8(3): 9–15.

⁴⁴ Agus Setiawa (2014), “Prinsip Pendidikan Karakter dalam Islam,” *Dinamika Ilmu*, 14(1), 1–12.

⁴⁵ Miftachul Huda & Mulyadhi Kartanegara (2015), “Islamic Spiritual Character Values of al-Zarnūjī's Ta'lim al-Muta'allim,” *Mediterranean Journal of Social Sciences* 6(4): 229–235.

⁴⁶ Miftachul Huda et al (2016a).

hasrat dan keinginan warga pendidikan era 1980-an agar identiti Islam dijadikan sebagai budaya sekolah kesan dari perkembangan kurikulum Pendidikan Islam pada masa tersebut.⁴⁷

Nilai spiritual dalam Islam bersifat rabbani, seimbang dunia dan akhirat, universal dan realistik. Oleh yang demikian, nilai berdasarkan Islam adalah tetap dan tidak berubah dalam apa jua keadaan walaupun berlaku perubahan zaman.⁴⁸ Rentetan daripada itu, dapat dirumuskan bahawa nilai spiritual dalam pemikiran Al-Zarnuji amat wajar diintegrasikan dalam aktiviti pendidikan masa kini kerana nilai-nilai tersebut adalah berpandukan Al-Quran dan Al-Sunah. Oleh sebab itulah idea pemikiran beliau bersifat tekal berbanding idea dan falsafah barat yang sentiasa berubah kerana hanya berdasarkan kepada pemikiran semata-mata tanpa berpandukan wahyu.

Tahap Sikap Siswa Guru Semasa Belajar

Hasil analisis deskriptif mendapati sikap semasa belajar yang mencatatkan tahap min yang paling tinggi yang diamalkan dalam kalangan siswa guru ialah sentiasa datang awal ke kelas kerana mematuhi jadual waktu yang ditetapkan ($\text{min}=4.20$, $\text{sp}=.610$) dan sentiasa fokus semasa pengajaran dalam kuliah ($\text{min}=4.20$, $\text{sp}=.664$). Ini bererti siswa guru sentiasa memberikan keutamaan terhadap aspek pengurusan masa dan tumpuan semasa proses pengajaran dan pembelajaran berlangsung. Tingkah laku ini bukan sahaja memenuhi tuntutan agama agar menepati masa malah menghormati pendidik apabila menjadikan pengajaran guru berjalan lancar.

Siswa guru juga mengamalkan sikap perkongsian ilmu bersama rakan dengan mengulang kaji dan berbincang tentang isi pelajar ($\text{Min}=4.16$, $\text{sp}=.874$). Amalan ini amat digalakkan sebagai satu saranan demi memantapkan kefahaman kerana ilmu pengetahuan memerlukan kefahaman agar tidak disalahafsirkan. Sikap dapat menyiapkan tugasan dengan sempurna dan berkualiti juga amat diberi penekanan dalam proses pendidikan guru agar tugasan terhasil adalah tugasan yang memberikan idea yang baharu dalam penulisan. Sikap ini berada pada tahap tinggi ($\text{Min}=4.16$, $\text{sp}=.791$). Item 5 dan 7 ini adalah yang kedua tertinggi dalam mengamalkan sikap semasa belajar.

Seterusnya, sikap siswa guru yang sentiasa bersedia dengan buku catatan juga berada pada tahap tinggi ($\text{Min}=4.13$, $\text{sp}=.819$) dan amalan ini amat sesuai dan digalakkan supaya memudahkan seseorang penuntut segera mencatat pengetahuan baharu yang diperoleh. Tindakan ini adalah wajar kerana ingatan setiap individu adalah tidak kekal dan bersifat sementara jika sesuatu ilmu tersebut tidak bincangkan dan difahami dengan lebih mendalam. Di samping datang awal ke kelas, siswa guru juga didapati dapat menyiapkan tugasan yang diberikan mengikut masa yang ditetapkan ($\text{Min}=4.10$, $\text{sp}=.994$) dan berada pada tahap tinggi. Selain menunjukkan amalan pengurusan masa yang efisien, sikap ini juga menggambarkan tahap disiplin yang tinggi memandangkan proses latihan perguruan amat padat dengan aktiviti kemahiran insaniah selain tugasan ilmiah yang lain.

Sikap sentiasa mengutarakan soalan jika tidak memahami isi pelajaran juga berada pada tahap yang tinggi ($\text{Min}=4.06$, $\text{sp}=.739$) dan ini membuktikan siswa guru sentiasa fokus semasa proses pengajaran dan pembelajaran berlangsung. Sikap sentiasa bertanya jika tidak memahami sesuatu

⁴⁷ Zaihan Hairuzialani Mat Jusoh, & Ahmad Faisal Abdul Hamid (2018), “Sejarah Perkembangan Kurikulum Pendidikan Islam Tradisional di Selangor,” *Journal Al-Muqaddimah*, 6(2), 41–56.

⁴⁸ Ahmad Sukari Mohamad & Mohd Nizam Sahad (2014), “Teori Kepimpinan Guru Dalam Pendidikan Berasaskan Pemikiran Al- Ghazali: Satu Perbandingan dengan Teori Kepimpinan Pendidikan Barat,” *Afkar* (Edisi Khas): 163–196.

perkara atau ingin mengetahui sesuatu perkara dengan lebih mendalam perlu dijadikan satu kebiasaan supaya ilmu pengetahuan yang diperoleh ditafsirkan dan difahami secara tepat. Secara keseluruhannya dapat dilihat bahawa item 1,2,5,6,7,9 dan 10 berada pada tahap tinggi dan hal ini menggambarkan satu amalan yang positif dalam kalangan siswa guru yang bakal mewarisi dunia pendidik dan pendidikan. Pendidik yang memberikan impak positif terhadap pendidikan akan dapat menjamin masa depan sistem pendidikan negara kekal berkualiti untuk tahun-tahun yang akan datang.

Sungguhpun begitu, terdapat juga sikap siswa guru semasa belajar berada pada tahap sederhana tinggi. Amalan mencatat nota setelah memahami isi pelajaran dengan baik mencatatkan ($\text{Min}=3.93$, $\text{sp}=.784$), mencari maklumat tambahan mengenai isi pelajaran ($\text{Min}=3.80$, $\text{sp}=.761$), memperuntukkan masa yang khusus untuk mengulang kaji pelajaran ($\text{Min}=3.76$, $\text{sp}=.817$), membaca isi pelajaran terlebih dahulu sebelum kelas bermula ($\text{Min}=3.60$, $\text{sp}=.1.03$) dan sentiasa mengemas kini nota ($\text{Min}=3.53$, $\text{sp}=.899$). Sikap semasa belajar yang paling rendah dicatatkan adalah amalan mengulang kaji pelajaran sebaik sahaja kelas tamat ($\text{Min}=3.50$, $\text{sp}=.861$) dan amalan ini juga berada pada tahap sederhana tinggi. Secara keseluruhannya tingkah laku dan amalan siswa guru sepanjang mengikuti latihan perguruan adalah berada pada tahap sederhana tinggi ($\text{Min}=3.93$, $\text{sp}=.584$) dan pada tahap ini, siswa guru masih diklasifikasikan mengamalkan sikap yang positif secara keseluruhannya, bertingkah laku sebagaimana saranan Al-Zarnuji dalam memperoleh ilmu pengetahuan serta mewujudkan budaya pembelajaran yang beretika dan berakhhlak. Keputusan analisis deskriptif sikap siswa guru semasa belajar dapat dirujuk pada jadual 1.

Jadual 1: Analisis deskriptif sikap siswa guru semasa belajar

Bil	Sikap semasa belajar	Min	Sisihan piawai	Tahap
1	datang awal ke kelas kerana menepati waktu jadual kelas.	4.20	.610	Tinggi
2	bersedia dengan buku catatan sebelum kelas bermula.	4.13	.819	Tinggi
3	mencatat nota setelah betul-betul memahami isi pelajaran.	3.93	.784	Sederhana tinggi
4	mengulang kaji pelajaran sebaik sahaja kelas tamat.	3.50	.861	Sederhana tinggi
5	berbincang bersama rakan berkaitan isi pelajaran untuk memantapkan kefahaman.	4.16	.874	Tinggi
6	menyiapkan tugas yang diberikan mengikut masa yang ditetapkan.	4.10	.994	Tinggi
7	menyiapkan tugas dengan sempurna/ berkualiti	4.16	.791	Tinggi
8	membaca isi pelajaran terlebih dahulu sebelum kelas bermula	3.60	1.03	Sederhana tinggi
9	fokus semasa pengajaran dalam kuliah	4.20	.664	Tinggi
10	mengutarakan soalan jika tidak memahami isi pelajaran.	4.06	.739	Tinggi
11	mengemas kini nota	3.53	.899	Sederhana tinggi
12	mencari maklumat tambahan mengenai isi pelajaran	3.80	.761	Sederhana tinggi

Bil	Sikap semasa belajar	Min	Sisihan piawai	Tahap
13	memperuntukkan masa yang khusus untuk mengulang kaji pelajaran.	3.76	.817	Sederhana tinggi
				Sederhana tinggi

Walaupun secara keseluruhan analisis deskriptif menunjukkan sikap siswa guru semasa belajar berada pada tahap sederhana tinggi namun dapatkan kajian mendapati siswa guru yang berada pada tahap tinggi adalah seramai 13 orang (43.3%), 14 orang (46.7%) berada pada tahap sederhana tinggi manakala seramai tiga orang (10.0%) didapati berada pada tahap sederhana rendah. Keputusan ini dapat dilihat sebagaimana jadual 2. Meskipun siswa guru yang berada pada tahap sederhana rendah adalah minoriti namun kesannya juga dapat mempengaruhi keberkesanan terhadap pendidikan kerana merujuk kepada pandangan sarjana serta dapatan kajian terdahulu sikap positif memberikan impak positif manakala sikap negatif memberikan impak yang negatif. Justeru, amat penting sikap positif semasa belajar dan amalan terbaik sebagai seorang penuntut ilmu diserapkan secara menyeluruh sebagai budaya dalam program latihan perguruan.

Jadual 2: Taburan kekerapan sikap siswa guru

Tahap	Kekerapan	Peratusan (%)
Sederhana rendah	3	10.0
Sederhana tinggi	14	46.7
Tinggi	13	43.3

Kesimpulan

Pemikiran pendidikan Al-Zarnuji menekankan pendidikan akhlak dan secara ringkasnya berfokuskan tentang metode belajar yang membahaskan tentang tujuan belajar, prinsip belajar, strategi belajar yang secara keseluruhannya didasarkan kepada *moral religious* agar mencari ilmu bernilai ibadah. Beliau mengutamakan karakter semasa belajar sebagai satu usaha untuk melengkapkan individu dengan sifat dan ciri-ciri murni berasaskan Islam. Tumpuan beliau terhadap aspek-aspek penting personaliti, sikap dan akhlak amat dituntut dalam ajaran Islam itu sendiri.

Penuntut juga seharusnya mempunyai rasa ingin tahu yang tinggi untuk menguasai ilmu pengetahuan yang belum diketahui sehingga mendorong satu motivasi dari dalam diri. Motivasi tersebut seterusnya akan menjadikan diri seorang penuntut menjadi giat dan gigih serta berdaya tahan dalam menghadapi masalah yang ada semasa proses belajar. Rasa ingin tahu yang tinggi itu juga akan menimbul satu unsur dalam diri pelajar iaitu kemahuan. Kemahuan ini disertai dengan kekuatan dan kehendak untuk merealisasikan tujuan dalam pendidikan itu sendiri itu berlaku perubahan sikap.

Pandangan Al-Zarnuji tentang sikap sebaiknya menjadi amalan penuntut ilmu kerana karakter yang dibincangkan tersebut bersifat mendepani zaman meskipun kehidupan beliau berlangsung pada abad pertengahan. Paradigma Al-Zarnuji tentang metode belajar melangkaui masa kerana saranansaranan beliau relevan sepanjang zaman. Idea yang diusulkan Al-Zarnuji juga diterima pakai hingga

kini walau pun sarjana barat memperkenalkan metode belajar moden namun tidak mampu melenyapkan hasil pemikiran yang berpaksikan Al-Quran dan Al-Sunnah.

Rujukan

- Abdul Rasid Jamian, Nurul Nadiah Razali & Shamsudin Othman (2015), “Keupayaan Guru Pelatih Terhadap Pelaksanaan Aktiviti Semasa Latihan Mengajar dalam Pembentukan Guru Novis,” *Jurnal Pendidikan Malaysia* 40(1): 75–81.
- Ab. Hamid Ali, Abdullah Yusoff, Muhammad Ridzuan Idris, Abd. Aziz Zaki Razali, & Mohd Nazri Abdul Rahman (2015), “Kompetensi Guru Pelatih Di Sebuah Institusi Pendidikan Guru Dalam Melaksanakan Latihan Mengajar,” *Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, 4(1), 32–46.
- Ab.Halim Tamuri, Muhamad Faiz Ismail, & Kamarul Azmi Jasmi (2012), “Komponen Asas Untuk Latihan Guru Pendidikan Islam,” *Global Journal Al Thaqafah*, 2(2), 53–63.
- Abu Muhammad Iqbal (2015), “*Pemikiran Pendidikan Islam*,” Yogjakarta: Pustaka Pelajar.
- Affizal Ahmad, & Rafidah Sahak (2009), “Teacher-Sudent Attachment and Teachers Attitudes Toward Work,” *Jurnal Pendidik Dan Pendidikan*, 24, 55–72.
- Agus Setiawan (2014), “Prinsip Pendidikan Karakter dalam Islam,” *Dinamika Ilmu*, 14(1), 1–12.
- Ahmad Amri Zainal Adnan, Khairol Anwar Mastor, Hasnan Kasan, & Firdaus Mohamad Hamzah (2017), “Religiositi Sebagai Faktor Mediasi Tingkah Laku Kerja Muslim,” *Jurnal Hadhari*, 9(1), 141–156.
- Ahmad Sukari Mohamad & Mohd Nizam Sahad (2014), “Teori Kepimpinan Guru Dalam Pendidikan Berasaskan Pemikiran Al- Ghazali: Satu Perbandingan Dengan Teori Kepimpinan Pendidikan Barat,” *Afkar* (Edisi Khas): 163–196.
- Ajzen, I. (1985), “From Intentions to Actions,”: A Theory of Planned Behavior. In *Action Control*.
- Ajzen, I. (1991), “The Theory of Planned Behavior,” Organizational Behavior and Human Decision Processes, 179-211
- Alam, S.S, Janor, H, Zanariah, C.A.C, Ahsan, M.N. (2012), “Is Religiosity an Important Factor in Influencing the Intention to Undertake Islamic Home Financing in Klang Valley?,” *World Applied Sciences Journal*, 19(7), 1030-1041.
- Al-Aroosi, M. (1990), “Kurikulum Islam dan Guru,” Dlm. Al-Afendi (pnyt.) & Baloch (pnyt.). *Kurikulum dan Pendidikan Guru*. Terj. Ahmad Jaffni Hassan, Mohamad Nordin Zainuddin & Asiah Idris. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Al-Ghazali, I (1994), “Ihya’ulumiddin,” terj. *Ismail Ya’kub*, (Singapura: Pustaka Nasional, 2003).
- Al-Qardhawi, Yusuf (2005), “Niat dan Ikhlas,” Surabaya: Risalah Gusti.
- Al-Zarnuji Burhan Al-Islam (2004), “*Ta’lim Al-Muta’alim Thariq Al-Ta’allum*” Sudan: Al-Dar Al-Soudania for Books.
- Arif Muzayin Shofwan (2017), “Metode Belajar Menurut Imam Zarnuji: Telaah Kitab Ta’lim Al Muta’alim,” *Brilliant: Jurnal Riset Dan Konseptual*, 2(4), 408–423.

- Baskaran Kannan & A.Visuvarasam (2012), “Hubungan Komitmen Dan Emosi Dengan Pencapaian Akademik Pelajar Ambilan Khas Januari 2012 Di IPG Kampus Ipoh,” *Jurnal Penyelidikan Dedikasi* 10(January 2012): 79–97 10: 79–97.
- Cohen, L., Manion, L. & Morrison, K. (2007), “*Research Methods in Education*,” *Professional Development in Education*.
- Creswell, J.W. & Creswell, J. D (2018), “*Research Design; Qualitative, Quantitative & Mixed Methods Approaches*,” hlm. Edisi Kelima. Los Angeles: SAGE Publications.
- Fazlina Abd Rahiman, & Aniza Suriati Abdul Shukor (2017), “Hubungan Minat dan Sikap Terhadap Pencapaian Pelajar dalam Kursus DPA3043- Auditing,” *National Innovation and Invention Competition Through Exhibition (ICompEx'17)*, (iCompEx 17), 1–16.
- Foxall, G.R., & Goldsmith, R.E. (1994), “Consumer Psychology for Marketing,” London: Routledge
- Grunebaum, G.E. & Abel, T.M. (1948), “Az-Zarnūjī, Ta’līm al-Muta’allim-Ṭarīq at-Ta’-allum. Instruction of the Student: The Method of Learning by G. E. Von Grunebaum; Theodora M. Abel,” *Journal of The American Oriental Society* 68(3): 155–157.
- Halimah Harun. 2006. Minat, Motivasi dan Kemahiran Mengajar Guru Pelatih. *Jurnal Pendidikan* 31: 83–96.
- Hasan Al-Banna Mohamed, Ab Mumin Ab Ghani & Siti Arni Basir (2015), “Nilai-Nilai Sistem Pengurusan Kualiti Islam Berasaskan Al-Quran Dan Integrasi Ilmu Saintifik” *Jurnal Syariah* 23(1): 25–52.
- Hassan Langgulung (1991), “Pendidikan Islam Menghadapi Abad ke-21,” Shah Alam: HIZBI.
- Juliana Rosmidah Jaafar, & Sheau Tsuey Chong (2018), “Sikap Terhadap Niat Menderma Darah Dalam Kalangan Penderma Darah,” *Akademika*, 88(2), 135–146.
- Kementerian Pendidikan Malaysia (2012), “*Dasar Pendidikan Kebangsaan*,” Putrajaya: KPM
- Kementerian Pendidikan Malaysia (2015), “*Program Pembangunan Guru Baharu 2015*,” Putrajaya: KPM
- M.Adib Fuadi Nuriz & Jaffary Awang (2017), “Character Education: Study of Burhanuddin Al-Zarnuji and Imam Zarkasyi’ s Thought Pendidikan Karakter : Kajian Pemikiran Burhanuddin Al-Zarnuji dan Imam Zarkasyi,” *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah* 4(1): 46–59.
- Marita Lailia Rahman (2016), “Konsep Belajar Menurut Islam,” *Al Murabbi* 2(2): 230–250.
- Miftachul Huda & Mulyadhi Kartanegara (2015), “Islamic Spiritual Character Values of al-Zarnūjī’s Ta’līm al-Muta’allim,” *Mediterranean Journal of Social Sciences* 6(4): 229–235.
- Miftachul Huda, Jibrail Yusuf, Kamarul Azmi Jasmi & Gamal Nasir Zakaria (2016a), “Understanding Comprehensive Learning Requirements in the Light of al-Zarnūjī’s Ta’līm al-Muta’allim,” *SAGE Open* 6(4): 1–14.
- Miftachul Huda, Jibrail Yusuf, Kamarul Azmi Jasmi & Gamal Nasir Zakaria (2016b), “Al-Zarnūjī’s Concept of Knowledge (‘Ilm),” *SAGE Open* 6(3): 1–13.
- Mistirine Radin, & M. Al-Muz-zammil Yasin (2018), “Sains Humanika The Implementation of the 21st Century Education in Malaysia: A Preliminary Review,” *Sains Humanika*, 10(3–2), 1–6.

- Mohammad Abdillah Samsuiman, Miss Asma Benjaman, & Zamri Arifin (2014), "Hubungan Antara Kualiti Guru Bahasa Arab Dan Kecenderungan Minat Pelajar Dalam Bahasa Arab," *Jurnal Kemanusiaan*, 22, 1–8.
- Mohammad Ghozali & Nor Azzah Kamri (2015), "Keperibadian Islam dan Profesionalisme dalam Pekerjaan: Satu Analisis Teoritis," *Jurnal Syariah* 23(2): 255–286.
- Mohammad Muchlis Solichin (2006), "Belajar dan Mengajar dalam Pandangan Al-Ghazâlî," *Tadris*, 1(2), 138–153.
- Muhammad Faizal A. Ghani, & Abd. Khalil Adnan (2015), "Model Program Perkembangan Profesionalisme Guru Malaysia: Satu Kajian Analisis Keperluan Di Sekolah Berprestasi Tinggi dan Sekolah Berprestasi Rendah," *Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, 2(1), 32–46.
- Nor Kalsum Mohd Isa (1985), "Pengetahuan, Sikap dan Tingkah Laku Pelajar UPSI Terhadap Prinsip-Prinsip Kampus Lestari," *Jurnal Perspektif*, 1(May), 29–41.
- Nursafra Mohd Zhaffar, Mohd Isa Hamzah, Khadijah Abd Razak & Wan Ali Akbar Wan Abdullah (2016), "Ke Arah Guru Pendidikan Islam sebagai Pemikir Kritis," *Jurnal Sains Humanika* 8(3): 9–15.
- Nurul Asiah Fasehah Muhamad, Mohd Isa Hamzah, & Ab. Halim Tamuri (2014), "Kesan Kepercayaan Epistemologi Islam Terhadap Pembentukan Konsep Kendiri Guru Pendidikan Islam," *Journal of Islamic and Arabic Education*, 5(2), 15–24.
- Pinar Karaman (2017), "Adapting of Formative Assessment Attitude and Intention Scale for Pre-service Teachers and A Structural Equation Modeling Pinar," *Journal of the Faculty of Education* 18(3): 118–131.
- Shafaei, A., Nejati, M., Quazi, A., & Von Der Heidt, T (2016), "When in Rome, do as the Romans do' Do international students' acculturation attitudes impact their ethical academic conduct?," *Higher Education*, 71(5), 651–666.
- Shafazawana Mohamed Tharikh, Cheah Yeh Ying, Zuliawati Mohamed Saad, & Kavitha Sukumaran (2016), "Managing Job Attitudes: The Roles of Job Satisfaction and Organizational Commitment on Organizational Citizenship Behaviors," *Procedia Economics and Finance*, 35(October 2015), 604–611.
- Shahabuddin Hashim, Rohizani Yaakub & Mohd Zohir Ahmad (2003), "Pedagogi Strategi dan Kaedah Mengajar dengan Berkesan.". Bentong, Malaysia: PTS
- Sufean Hussin (1995), "Pengajaran Nilai dalam Kurikulum," Edisi kedua. Shah Alam: Fajar Bakti Sdn Bhd.
- Wan Mohd Nor Wan Daud (2005), "Falsafah dan Amalan Pendidikan Islam Syed M.Naquib Al-Attas Satu Huraian Konsep Asli Islamisasi," Kuala Lumpur: UM.
- Wan Suhaimi Wan Abdullah (2002), "Falsafah Pengajaran Dan Pembelajaran Dalam Islam: Satu Analisis Karya Al-Zarnuji," *Afkar* 3: 165–186.
- Yasmin Yacob, & Mohd Ibrani Shahrimin Adam Assim (2017), "Corak Tingkah Laku Pembangunan Potensi Diri Belia dalam Program Anugerah Remaja Perdana Rakan Muda di Malaysia," *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 2(2), 9–18.
- Yundri Akhyar (2008), "Metode Belajar Dalam Kitab Ta`Lim Al- Muta`Allim Thariqat At-Ta`allum," (Telaah Pemikiran Tarbiyah Az-Zarnuji). *Al-Fikra: Jurnal Ilmiah Keislaman* 7(2).

Zaihan Hairuzialani Mat Jusoh, & Ahmad Faisal Abdul Hamid (2018), “Sejarah Perkembangan Kurikulum Pendidikan Islam Tradisional di Selangor,” *Journal Al-Muqaddimah*, 6(2), 41–56.

Zainal Yang (2003), “Nilai, Etika dan Budaya Kerja dalam Pentadbiran Sektor Awam Di Malaysia dari Perspektif Islam,” (Satu Imbasan Kembali Tinjauan Karya) *Jurnal Pengurusan Awam* 2(1): 45–67.